

Thursday, October 8, 2020

Laman Utama Berita Automotif Spyshots Contact Us / Hubungi Kami PR Newswire

Kalkulator Pinjaman Kereta



Home > Berita Automotif > KJ lihat dan uji prototaip MYKAR, EV pertama buatan Malaysia

BERITA AUTOMOTIF

KJ lihat dan uji prototaip MYKAR, EV pertama buatan Malaysia

| Berita Tempatan

🕒 09/10/2020 ✍ Mohd Izarul 💬 No Comment

posted on 10. Sep, 2020 at 10:01 am



PUSAT 4S PROTON PALING HIPSTER DI KUANTAN

JOM BACA >> [INTIP : Persona dan Iriz MC2 dikesan sedang 'berdua-duaan'](#)

Ia menggunakan hab motor untuk **pacuan roda belakang** dan dikuasakan oleh **bateri** berkapasiti **10 kwh**. Meskipun hanyalah prototaip awal, Hezeri berkata MYKAR **mampu memintas Myvi 1.5L** semasa ujian seret (*drag*). Jika kita perhatikan pada foto-foto yang ada, prototaipnya pada peringkat awal dilihat mengitar semula beberapa komponen dari kereta lain, contohnya lampu belakang dari model Perdana.

Tetapi pada prototaip yang diuji semalam rekaan belakangnya telah diolah semula dengan lampu jenis memanjang bersambung dan ia nampak lebih kemas meskipun ia masih belum lengkap sepenuhnya. Rekabentuk depannya agak ringkas dengan rekaan lampu depan yang tirus dan runcing.

KLIK UNTUK BESARKAN

Foto kredit Twitter **Khairy Jamaluddin, Rushdi Abdul Rahim** dan Facebook **System Consultancy Services**





0 Share | 8.23K Views | f t e

**PUSAT 4S
PROTON
PALING
HIPSTER
DI KUANTAN**

Menerusi laman **Twitter** rasminya semalam, Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI), **Khairy Jamaluddin** telah memuat naik ciapan dan beberapa foto yang memperlihatkan sebuah **prototaip kenderaan elektrik (EV)** pertama yang dibangunkan di Malaysia, dikenali sebagai **MYKAR**.

dengan sekali cas penuh. MYKAR dibangunkan oleh syarikat tempatan, **System Consultancy Services Sdn Bhd (SCS)** yang berpangkalan di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.



JOM BACA >> [INTIP: Persona dan Iriz MC2 dikesan sedang 'berdua-duaan'](#)

SCS merupakan sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam bidang elektronik, komunikasi dan integrasi sistem dengan **pengalaman** selama **25 tahun** dalam **industri pertahanan**. Mereka mampu membangunkan sistem perisian dari peringkat awal, penyelenggaraan dan perunding ICT, serta mempunyai pesawat terbang sendiri (UAV) yang buatan mereka iaitu Agas FW X8, Agas MP Tethered dan Agas MR Quadcopter.

Berbalik kepada MYKAR, menurut rakan media kami **Hezeri Samsuri** ([Careta.my](#)), prototaip ini bukanlah model yang sebenar. Ia hanyalah untuk memperlihatkan keupayaan syarikat tersebut dalam membangunkan dan mengendalikan EV, bukan untuk membina keseluruhan kereta. Katanya, prototaip ini dibina dari casis kerangka tangga dengan badan yang diperbuat dari bahan gentian kaca.

